

KL Park Festival 2023

Pertandingan Arca Alam Environmental Arts Competition

Kategori Sek. Rendah & Menengah

Primary & Secondary School Category

Anugerah Datuk Bandar
Trophy and Certificate

Setiap Kategori

Anugerah Emas

RM 2,000, Trophy and Certificate

Anugerah Perak

RM 1,000, Trophy and Certificate

Anugerah Gangsa

RM 500, Trophy and Certificate

Anugerah Khas: Kreatif

(5 Pemenang)

RM 500, Trophy and Certificate



Penyertaan Dibuka
Call for Entries

EXTENDED
DEADLINE

UNTIL 31 JANUARY 2023

Malaysian
Arts and Flora
Gardens

Diperselenggarakan Oleh
Presented By



Diuruskan Oleh
Managed By



TEMPAT / VENUE

**TAMAN
TASIK
TITIWANGSA**

TARIKH / DATE

**4-12
MARCH
2023**

WAKTU / TIME

9AM - 10PM

www.klparkfestival.com

|     klparkfestival

Pengenalan

Festival Taman Kuala Lumpur merupakan cetusan idea Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berikutan kejayaan “KL Orchid and Bonsai Show” (KLOBS) sebelum ini. Penjenamaan semula KLOBS kepada Festival Taman Kuala Lumpur bertujuan mempromosikan budaya berkebun dan menggalakkan penglibatan aktif warga kota dalam meningkatkan budaya hidup sihat. Melalui festival ini, orang ramai akan lebih terdedah kepada idea baru menghiasi ruang kediaman mereka; dan mempromosikan pelbagai aktiviti taman serta memupuk budaya penghayatan alam semulajadi kepada warga kota.

Bersempena Festival Taman Kuala Lumpur 2023, Pertandingan Arca Alam atau *Environmental Arts Competition* memberi peluang kepada orang awam serta para pelajar untuk menunjukkan bakat dan idea dalam menghasilkan karya seni menggunakan bahan-bahan semulajadi. Secara tidak langsung, pertandingan ini juga dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.



Objektif

- Menggalakkan penggunaan bahan alam semulajadi dalam menghasilkan karya-karya seni arca.
- Mencungkil bakat-bakat tempatan untuk menghasilkan arca alam menggunakan bahan semulajadi.
- Melahirkan rasa penghargaan terhadap alam sekitar dan alam semulajadi.
- Meningkatkan kesedaran terhadap isu alam sekitar kepada masyarakat.
- Mempamerkan seni arca alam sebagai tarikan ikonik kepada pengunjung.

Tema

Land, Water & Sky

Menzahirkan bentuk kehidupan dalam persekitaran hidup, dari darat ke air dan langit melalui terjemahan seni dengan menggunakan unsur-unsur alam semulajadi yang sedia ada di sekeliling kita.

Tarikh-tarikh Penting

7 Oktober 2022 (Jumaat)

- Pengumuman dan panggilan penyertaan di media sosial, laman sesawang dan kenyataan akhbar.

31 Januari 2023 (Selasa), 11:59pm

- Penghantaran borang penyertaan dan lakaran idea reka bentuk ditutup.

Februari 2023

- Pra-pemilihan penyertaan

Februari 2023

- Pengumuman reka bentuk terpilih

2 March 2023

- Tarikh penghantaran arca di tapak festival
- Waktu 9 pagi - 6 petang

3 March 2023 (Jumaat)

- Proses penjurian
- Preview - Tetamu jemputan, media termasuk akhbar dan selebriti

4 March 2023 (Sabtu)

- Pengumuman pemenang

12 March 2023 (Ahad)

- Sesi penyampaian hadiah

Syarat-syarat Pertandingan

Kategori Pelajar Sekolah (Rendah dan Menengah)

Terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah dari seluruh Malaysia

Jenis & Saiz Seni Arca

- Di atas kotak pameran
- Maksimum 0.5m (panjang) x 0.5m (lebar) x 1.5m (tinggi)

Tarikh Penghantaran Arca di Tapak

- 2 March 2023
- Waktu 9 pagi - 6 petang

Jumlah Pameran


60 seni arca

Bahan Binaan Seni Arca

- Menggunakan unsur semulajadi seperti kayu, daun, buluh, akar, jerami, bijiran dan sebagainya.
- Menggunakan unsur semulajadi dari struktur sokongan sehingga kemasan.
- Seni arca perlu tahan dalam pelbagai jenis cuaca.

Bilangan Ahli Setiap Pasukan

Tidak melebihi 5 orang



Kriteria Penjurian

Konsep (30%)

- Penampilan konsep yang bersesuaian dengan ciri-ciri alam semulajadi

Hasil kerja 'Workmanship' (30%)

- Hasil kerja secara keseluruhan termasuk kemasan, reka bentuk arca, dan ketahanan di bawah pelbagai cuaca dan fungsi

Bahan (20%)

- 80% bahan semulajadi (contoh: pokok, ranting, batu dsb) atau / campuran bahan buangan boleh kitar semula (botol plastik, kaca dsb)

Rupa dan Bentuk Keseluruhan (10%)

- Penampilan keseluruhan arca dari setiap sudut pandangan

Bonus (10%)

- Markah bonus adalah tertakluk kepada juri

Terma & Syarat Pertandingan

- Idea dan cadangan reka bentuk mestilah asli dan bersesuaian dengan tema yang dicadangkan.
- Peserta perlu menghantar lakaran idea dan huraian konsep (maksimum 300 patah perkataan) kepada pihak penganjur.
- Peserta perlu memastikan reka bentuk arca yang ingin dibina dihasilkan dengan kemasan reka bentuk yang baik dan mampu bertahan di bawah pelbagai cuaca.
- Peserta dibenarkan membina arca di tempat masing-masing dan menghantar ke lokasi tapak festival pada tarikh yang ditetapkan.
- Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos perbelanjaan untuk penginapan / lawatan tapak / makan minum / bahan pembinaan oleh pihak peserta sepanjang tempoh pertandingan kecuali jika dinyatakan.
- Pihak penganjur berhak membuat pindaan dari semasa ke semasa syarat-syarat penyertaan tanpa memaklumkan kepada peserta terlebih dahulu.
- Keputusan juri adalah muktamad dan pihak juri mempunyai kuasa untuk melucutkan kelayakan penyertaan sekiranya peserta tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Cara Penyertaan

1. Muat turun borang lakaran dan huraian konsep dari laman sesawang KL Park Festival.
2. Penghantaran borang penyertaan beserta lakaran idea dan huraian konsep seni arca ke emel minisculpture.klparkfest@gmail.com
3. Penghantaran borang penyertaan akan ditutup pada 31 Januari 2023 (Selasa), 12:00 tengah hari.

Anugerah & Hadiah

Anugerah Datuk Bandar
Trophy dan Sijil Pemenang

Anugerah Emas (Sekolah Rendah)
Wang tunai RM2,000, Trophy dan Sijil Pemenang

Anugerah Perak (Sekolah Rendah)
Wang tunai RM1,000, Trophy dan Sijil Pemenang

Anugerah Gangsa (Sekolah Rendah)
Wang tunai RM500, Trophy dan Sijil Pemenang

Anugerah Khas Kreatif (Sekolah Rendah) x 5
Wang tunai RM500, Trophy dan Sijil Pemenang

Anugerah Emas (Sekolah Menengah)
Wang tunai RM2000, Trophy dan Sijil Pemenang

Anugerah Perak (Sekolah Menengah)
Wang tunai RM1,000, Trophy dan Sijil Pemenang

Anugerah Gangsa (Sekolah Menengah)
Wang tunai RM500, Trophy dan Sijil Pemenang

Anugerah Khas Kreatif (Sekolah Menengah) x 5
Wang tunai RM500, Trophy dan Sijil Pemenang



SCHOOL STUDENT CATEGORY

Environmental Arts Competition

Pertandingan Arca Alam | Kategori Pelajar Sekolah

Anjuran Organised by



Diuruskan oleh Managed by



BORANG LAKARAN & HURAIAN KONSEP

CONCEPTUAL SKETCH & WRITE-UP SUBMISSION FORM

TARIKH TUTUP: 31 JANUARI 2023 (SELASA) 12:00PM

SUBMISSION DEADLINE: 31 JANUARY 2023 (TUE) 12:00PM

SILA EMEL BORANG YANG LENGKAP KEPADA

Please send in the completed form to the email address below:

minisculpture.klparkfest@gmail.com

NAMA PASUKAN

TEAM NAME

E-MEL

E-MAIL

NO TELEFON BIMBIT

(KETUA PASUKAN)

MOBILE NO. (TEAM LEADER)

NAMA SEKOLAH

SCHOOL NAME

Sila isikan nama penuh mengikut kad pengenalan atau passport

Please fill in your full name as per I/C or pass-

KETUA PASUKAN

TEAM LEADER

AHLI PASUKAN 1

TEAM MEMBER 1

AHLI PASUKAN 2

TEAM MEMBER 2

AHLI PASUKAN 3

TEAM MEMBER 3

AHLI PASUKAN 4

TEAM MEMBER 4



Malaysian
Arts and Flora
Gardens

PERTANYAAN

ENQUIRIES

ILAM (Sekretariat)

019-881 7016

minisculpture.klparkfest@gmail.com

HURAIAN KONSEP SENI ARCA (TIDAK MELEBIHI 300 PATAH PERKATAAN)
CONCEPTUAL WRITE-UP (NOT MORE THAN 300 WORDS)

NAMA ARCA:
SCULPTURE NAME:

SILA MASUKKAN LAKARAN KONSEP DI BAWAH *(Lakaran tambahan boleh disertakan sekiranya perlu)*
PLACE YOUR DESIGN SKETCH HERE *(Additional sketches may be included by duplicating this page)*